

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN CHARLES ANTHONY SANTIAGO  
[ KLANG ]**

**TARIKH : 19.3.2019 (SELASA)**

**SOALAN NO. 59**

**Tuan Charles Anthony Santiago [ Klang ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan kesudian Kementerian memasukkan satu provisi kesamarataan ke dalam Akta Pendidikan untuk memastikan semua murid akan menerima sumber pendidikan yang sama rata tanpa mengira tuntutan pelajaran di SK, SJKC, SJKT atau sekolah rakyat selaras dengan konsep "kesamarataan sumber pendidikan" dan mempertimbangkan perbezaan di luar bandar-bandar.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Akta Pendidikan 1996 [Akta 550] merupakan suatu akta untuk mengadakan peruntukan bagi pendidikan dan perkara-perkara berkaitan dengannya yang dilaksanakan melalui sistem pendidikan kebangsaan sebagai usaha memenuhi keperluan negara, memupuk perpaduan, pembangunan budaya, sosial, ekonomi dan politik selaras dengan prinsip-prinsip Rukunegara.

Selaras dengan itu, dasar-dasar pendidikan yang digubal oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa memastikan semua sekolah dan murid tanpa mengira jenis sekolah serta lokasi mempunyai peluang dan keupayaan yang sama untuk cemerlang. Bagi maksud tersebut, KPM membekalkan guru terlatih dan berkelayakan untuk pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran di sekolah selain memberikan bantuan dan peruntukan kewangan yang sewajarnya tanpa

mengira sama ada sesebuah sekolah itu sekolah Kerajaan ataupun sekolah bantuan Kerajaan.

Pada dasarnya peruntukan mengurus yang disalurkan kepada sekolah Kerajaan dan sekolah bantuan Kerajaan adalah sama. Peruntukan mengurus antara lainnya bagi tujuan emolumen, elaun guru, pemberian geran perkapita (PCG), peralatan pengajaran dan pembelajaran, bayaran utiliti, kawalan keselamatan dan pembersihan kawasan.

Untuk tahun 2019, penyaluran bantuan pembangunan juga disalurkan melalui peruntukan pembangunan (DE) kepada semua sekolah bantuan Kerajaan bergantung kepada kemampuan kewangan semasa Kerajaan. Selain daripada itu, Bantuan Persekolahan KPM yang meliputi 19 jenis bantuan persekolahan juga turut dinikmati oleh semua murid sekolah Kerajaan dan sekolah bantuan Kerajaan.

Sekian, terima kasih

RJM 42